

IBN KHALDUN

Ahli Sejarah Islam Yang Kebilangan

Manusia telah mencuba semenjak ia lahir di dunia untuk mengalahkan maut dengan merakamkan segala amalnya. Apabila ia telah mengetahui cara menggunakan tulisan maka usahanya ke arah itu telah berubah menjadi suatu usaha yang berdasarkan ilmu. Demikian pula halnya sejarah. Sejarah telah lahir serentak dengan kezahiran manusia, dan makin bertambah nilai dan kepentingannya ketika manusia telah meningkat kepada cara hidup yang lebih maju dan teratur, dalam suatu masyarakat yang bersatu padu – satu cita-citanya dan satu tujuannya.

Dalam kalangan bangsa Arab misalnya, sejarah mulai dicatat dengan jelas dan teratur ialah kemudian daripada kezahiran agama Islam.

Sebaik-baik sahaja lahir Rasulullah (SAW), dan seruan Islam yang diunjukkannya itu telah tersiar, dan tentera Islam pula telah berjaya meruntuhkan empayar Rom dan Parsi – dua kuasa dunia yang sedang maharajalela dan menjadi musuh Islam ketika itu – maka orang-orang Arab pun mulai menyusun buku-buku Tawarikh. Mereka memulakannya dengan menyusun sejarah Nabi (SAW), hadis-hadis, tafsir-tafsir *al-Qur'an al-Karim* dan sejarah hidup khalifah-khalifah Islam. Ahli-ahli Tawarikh ketika itu biasanya menyebutkan sesuatu kejadian dengan “sanad”nya yakni orang-orang yang meriwayatkannya satu-persatu, seperti dikata: Daripada si anu dan si anu dan seterusnya sampai kepada puncaknya. Kitab-kitab

Tawarikh yang telah disusun oleh mereka pada zaman tengah adalah lebih lengkap dan lebih banyak jumlahnya daripada segala apa yang telah ditulis dalam alam yang terkenal ketika itu. Tetapi kitab-kitab tersebut tidaklah dapat mencapai tingkatan kitab-kitab yang mengupas sejarah dalam zaman moden ini, meskipun kitab-kitab tua itu telah mengatasinya tentang lanjut huraianya dan tidak suka memihak kepada sesuatu pihak yang tertentu. Ahli-ahli sejarah di seluruh dunia telah berkekalan menyorot kejadian-kejadian yang berlaku dan usahanya yang telah dikerjakan oleh orang-orang, sehingga lahir ‘Abd al-Rahman ibn Khaldun, ahli sejarah yang terkemuka, lalu ia menunggang balikkan pengkajian sejarah dari kedudukannya yang asal.

Ibnu Khaldun bertanya: “Apa dia sejarah itu dan bagaimana timbulnya?” kemudian ia menjawab: “Sungguhnyalah manusia yang membuat sejarah”. Sejarah menurut keyakinannya ialah sejarah yang mengenai masyarakat dan naik turun sesuatu bangsa serta orang-orang yang memegang teraju pemerintahannya. Ibnu Khaldun telah meneruskan penyelidikannya tentang pengaruh atau undang-undang yang mengatur kerja-kerja manusia. Dia juga berusaha terus menyingkap akan sebab-sebab yang menggerakkan masyarakat-masyarakat manusia melakukan perkara-perkara yang berlain-lain, sekalipun bersamaan keadaan dan hal-ehwalnya. Ibnu Khaldun telah mengambil kesimpulan, hasil dari penyelidikannya itu dengan menekankan (menegaskan) bahawa alam sejarah itu berdiri dengan sendirinya, tidak ada apa-apa perhubungan dengan perkara-perkara

iktikad atau lainnya, iaitu mempunyai caranya yang tertentu dalam soal menyelidik akan kesan-kesan atau pengaruh yang telah menguasai atau melaksanakan hukumnya atas perjalanan dan alirannya.

Ibnu Khaldunlah yang telah memudahkan jalan bagi ahli-ahli sejarah dan pengkritik-pengkritik sejarah. Oleh itu nyatalah Ibnu Khaldun salah seorang pelopor yang utama di antara ahli-ahli sejarah yang berdasarkan falsafah.

Sebenarnya seluruh dunia tiada pernah melihat – hingga zaman kebangkitan alam pengetahuan di Eropah – seorang yang dapat menyamainya dalam lapangan itu termasuk sekali Aristūṭālīs dan Aflāṭūn. Dalam cara berfikir dan cara menyatakan sesuatu pendapatnya, Ibnu Khaldun adalah dekat kepada cara “Machiavelli” dan “Boden”. Tetapi apabila kita mengetahui bahawa Ibnu Khaldun telah mendahului keduanya dengan suatu zaman yang lanjut, maka dapatlah kita menetapkan dengan mudahnya, iaitu siapakah yang telah meniru atau mengambil hasil buah fikiran orang lain. Makin bertambah tinggi nilai ilmu dan buah fikiran Ibnu Khaldun apabila difikirkan bahawa ia telah bekerja dengan tidak mempunyai penolong dan pembantu, dan walaupun ia telah ditimpa berbagai kemalangan, tetapi ia telah dapat menghidangkan kepada dunia dengan hasil kejayaan yang besar – iaitu kajian dan penyelidikan sejarah yang sangat-sangat berharga.

Ibnu Khaldunlah orangnya yang mula-mula berkata bahawa keadaan alam dan suasana sesuatu daerah itu serta cara makan minum penduduknya, sangat-sangat besar kesannya dalam kemajuan masyarakat itu dan kemundurannya. Dialah juga yang mula-mula mengatakan bahawa bentuk dan keadaan iktisad menjadi pendorong yang besar yang membawa kepada pertelingkahan di antara sebuah

negara dengan negara yang lain.

Ibnu Khaldun diperanakkan pada awal Ramadhan 732 H (132 M.), dari kalangan suatu keluarga Arab yang masyhur dan berhubung nasab keturunannya kepada kabilah Kindah. Ia sendiri telah menulis sejarah hidupnya dalam kitabnya yang terkenal, “al-Riḥlah” iaitu menurut jejak Ibnu Battuta pengembara Islam yang masyhur. Dinyatakan di dalamnya bahawa salah seorang dari datuk neneknya telah berpindah ke negeri Sepanyol dalam kurun yang ketiga (Hijrah) dan telah bermastautin di Bandar Ishbiliah. Di sanalah anak-anak dan cucunya telah mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan alim ulama, ahli-ahli syair dan pegawai-pegawai kerajaan. Sesudah itu kejadian-kejadian siasah menyebabkan ayahnya meninggalkan jawatan-jawatan kerajaan dan menumpukan usahanya kepada menyelidik dan mengkaji ilmu pengetahuan Islam. Dalam kalangan yang demikian inilah Ibnu Khaldun telah dididik dan dibesarkan bersama-sama dengan adik beradiknya, lalu mereka mencapai darjah pelajaran yang setinggi-tingginya dalam ilmu-ilmu bahasa, syair, hadis dan fikah.

Setelah itu Ibnu Khaldun telah meninggalkan Sepanyol lalu berpindah ke Bandar Fes (Fez) di Morocco, di sana ia telah menjadi pegawai al-Suṭān Ibnu ‘Anān. Dalam soal-soal siasah, Ibnu Khaldun telah dua kali masuk penjara tetapi kemudiannya telah dilantik menjadi kadi besar.

Sesudah itu Ibn Khaldun kembali ke negeri dan di sana ia telah menjadi pegawai dalam istana raja-raja Bani al-Aḥmar (pembina Istana al-Ḥamrā’ yang masyhur). Pada ketika itu ia telah berpeluang berkenal-kenal dan sahabat baik dengan menteri yang alim iaitu al-‘Allāmah Ibnu al-Khaṭīb pujangga Islam Sepanyol yang terkenal. Beberapa tahun

kemudian, Ibnu Khaldun telah diangkat menjadi menteri dan pendidik dalam Istana Sultan Abi Abdullah al-Hafsi.

Tidak berapa antaranya Ibnu Khaldun telah menjauhkan dirinya dari XXXX siasah yang sedang berkeadaan kacau-bilau di Afrika Utara (sesudah ia puas mengambil bahagian besar di dalamnya), lalu dia mengasingkan diri di sebuah benteng dan di sana ia telah tekun mengarang kitab *tārīkhnya* yang terkenal dengan nama “al-‘Ibar” sehingga orang ramai menyangka bahawa dia tidak akan keluar dari tempat yang dipilihnya untuk mengasingkan diri itu.


Apabila Ibnu Khaldun belayar ke Tunis pada tahun 780 H dengan tujuan hendak memeriksa dan mencari bahan-bahan dari kitab-kitab di sana, maka ketika itulah pula saudaranya Yahya XXXX terbunuh. Pada tahun 784 H, bagi melipurkan (meliburkan) duka nestapa Ibnu Khaldun telah belayar ke tanah suci kerana hendak menunaikan fardu haji. Kemasyhurannya telah mendahuluinya pada tiap-tiap negeri yang dilaluinya. Setibanya di Mesir, Ibnu Khaldun dengan kehendak Raja Mesir, Sultan Barquq – telah dilantik menjadi kadi besar dan guru mengajar di sekolah tinggi Al-Azhar. Peluang ini tidak dilepaskan oleh Ibnu Khaldun kerana kutub khanah-kutub khanah Al-Azhar itu penuh XXXX dengan kitab-kitab yang berharga, yang masih bertulisan tangan. Serentak dengan itu ia telah memerangi keburukan-keburukan masyarakat dan perkara-perkara makan suap. Tindakannya itu menyebabkan banyak musuhnya, tetapi kedudukannya di sisi Sultan tidak terjejas.

Dalam masa itulah suatu berita menyedihkan telah disampaikan orang kepadanya, iaitu bahtera yang membawa anak isteri dan harta bendanya telah tenggelam ke dasar laut. Dalam keadaan duka nestapa ia telah berangkat menunaikan fardu haji lalu kembali semula ke Mesir.

Sebelum itu (801) ia telah belayar ke Syria dan dalam masa berada di bandar di Damsyik, bandar itu telah dikepung oleh Timurlang (Timurlank) dan akhirnya jatuh ke tangan Raja Mongol itu.

Ibnu Khaldun telah menghadap Timurlang dan telah berlaku soal jawab di antara keduanya, (perihal pertemuan ini telah pun dicatat oleh Ibnu Khaldun dalam sebuah kitab khas yang telah disusunnya) Timurlang telah tertarik hati dan sangat-sangat berkenan kepada Ibnu Khaldun lalu diminta supaya ia tinggal di sisinya. Terlebih dahulu daripada itu Ibnu Khaldun juga pernah dipelawa oleh Pedro (seorang raja dalam salah satu wilayah di Sepanyol) supaya tinggal di sisinya.

Akhirnya Ibnu Khaldun telah berkekelan di bandar Kaherah sehinggalah akhir hayatnya. Ia telah meninggal di bandar itu pada 25 Ramadhan 808 H.



Muhammad Sufian dengan intertaip Jawi Qalam yang baharu.

Apabila tuntutan mereka ditolak dan tidak diendahkan maka akhirnya berdirilah sebuah kerajaan revolusi di Padang yang diketuai oleh Mr Syafruddin Prawiranegara (orang Sunda) sebagai Perdana Menterinya. Sepulangnya Sukarno dari ((berehat otak)) maka untuk menghadapi ini Sukarno menyalahkan langkah mereka dengan mengatakan tidak berdasarkan perlembagaan tetapi rupanya Sukarno sendiri lupa bahawa ia sebagai Presiden juga sudah salah gunakan dirinya menjadikannya seorang diktator yang berbuat semahu-mahunya sahaja.

Langkah ini lebih terbukti lagi dengan adanya langkah-langkahnya mengadakan pemboman terhadap kepada daerah-daerah yang menuntut perubahan perbaikan kepada rakyat dengan tetap didasarkan mereka perjuangan itu dengan perjuangan perisytiharan 1945. Sukarno bukannya mencari perundingan secara damai atau dengan berular bertarik tetapi melakukan kekerasan selain daripada mengadakan ((sekatan ekonomi)) kepada ((pemberontak)) itu.

Di sini zahir bahawa Sukarno tidak mahu menerima fikiran atau menimbangkan semula perasaan ketidakpuasan hati rakyat, terutamanya yang tinggal di luar Jawa – yang melihat langkah-langkah yang dijalankan oleh Sukarno menyalahi dasar-dasar yang dibinanya sendiri. Sukarno bergerak bukan sebagai seorang pemimpin negara demokrasi tetapi bergerak sebagai diktator ke atas orang-orang yang menghalang kemahuannya membawa komunis ke dalam pemerintahan negeri.

Kornel (Kolonel) Dahlan Djambek, anak seorang ulama yang terkenal di Sumatera yang menjadi Menteri Pertahanan

kerajaan *revolutioner* itu mengatakan bahawa perjuangan yang dilakukan mereka sekarang, bukannya pertentangan di antara pusat dengan daerah tetapi pertentangan ini ialah pertentangan di antara orang yang beriman kepada Allah dan kepada seteru-seteru Allah (anti-Tuhan). Kerana itu ia memandang bahawa langkah-langkah mengutamakan komunis – membawa komunis ke dalam pemerintahan bertentangan dengan dasar Sila ((ketuhanan)) yang Maha Esa.

Sedang di sebalik ini dari pusat pula, untuk menegakkan benang basahnya Sukarno menggunakan Menteri Agama, Kiyai Haji Muhammad Ilyas dari *Nahdatu al-'Ulama'* yang dikatakan berkata bahawa ((orang-orang komunis lebih taat bersembahyang daripada orang-orang Islam sendiri)). Perisytiharan ini sangat mendukacitakan terutamanya pula beliau membawa ayat-ayat Tuhan pada bukan tempatnya dengan mengatakan bahawa orang wajib taat kepada hukum Allah dan rasul-Nya wajib taat kepada negara yang mereka bersetia dengannya. Beginilah selalu terjadi keadilan meletakkan hukum-hukum agama dilakukan oleh orang-orang yang ternama kerana mencari muslihat diri dan kerana mempertahankan kedudukan diri tetapi umat Islam di luar mengerti bahawa yang batil itu walau bagaimana pun cuba hendak dipertahankan tidak akan dapat bertahan – ia pada suatu masa akan runtuh binasa. Yang zalim dan ingkar kepada hukum-hukum Tuhan tidak akan dapat terus tegak – dan manusia kelak akan mengetahui siapa sebenarnya dia! Mudah-mudahan Allah akan menegakkan perdirian orang yang menegakkan hak dengan segera dan nyata dan mudah-mudahan Allah akan meruntuhkan kebatilan dengan segera supaya umat tidak menderita dengan perbuatannya.